Seminar Industri Perbankan: Mempertingkatkan Kesedaran PKS Mengenai Akses kepada Pembiayaan Kuala Lumpur, 9 Julai 2008

Ucaptama oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Saya amat berbesar hati kerana berpeluang hadir di sini pagi ini untuk menyampaikan ucapan di seminar anjuran Persatuan Bank-bank Malaysia ini, yang bertujuan untuk mempertingkatkan kesedaran PKS mengenai akses kepada pembiayaan. Pembangunan sektor PKS yang kukuh dan dinamik sememangnya diberikan keutamaan dalam agenda negara dan merupakan sebahagian daripada usaha ke arah menjana pertumbuhan ekonomi yang mampan dan seimbang. Ini kerana PKS merangkumi 99% daripada jumlah pertubuhan perniagaan di Malaysia, 56% daripada jumlah guna tenaga dan menyumbangkan kira-kira 32% kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) dan 19% daripada jumlah eksport negara.

Sepanjang lima tahun kebelakangan ini, sumbangan PKS kepada pertumbuhan negara semakin bertambah. Malah di beberapa buah negara maju, PKS menyumbangkan sekurang-kurangnya separuh daripada KDNK. Dengan menjadikan PKS di negara-negara tersebut sebagai penanda aras, ketara sekali yang PKS di Malaysia mempunyai potensi yang besar untuk menambahkan sumbangan mereka kepada ekonomi negara.

Ucapan saya hari ini akan tertumpu pada tiga bidang. Pertama, implikasi perkembangan ekonomi dan kewangan global terhadap ekonomi Malaysia, khususnya sektor perniagaan dan PKS. Kedua, strategi yang digunakan oleh Kerajaan dan Bank Negara Malaysia untuk merealisasikan potensi sektor PKS sebagai sumber pertumbuhan ekonomi negara. Dan akhirnya, langkah seterusnya yang perlu dilaksanakan oleh institusi perbankan dan PKS dalam persekitaran kenaikan kos yang kian mencabar.

Perkembangan Ekonomi dan Kewangan

Melangkah ke hadapan, persekitaran ekonomi dan kewangan antarabangsa dijangka terus mencabar susulan pertumbuhan global yang kian perlahan dan ketidakpastian yang berlarutan dalam pasaran kewangan antarabangsa. Pertumbuhan global yang semakin sederhana berlaku dalam keadaan inflasi yang semakin meningkat berikutan kenaikan harga tenaga dan komoditi.

Ekonomi Malaysia berjaya mencatat pertumbuhan yang mampan pada kadar purata sekitar 6% sejak tiga tahun kebelakangan ini. Pada tahun 2007, ekonomi berkembang 6.3% dan pertumbuhan terus kukuh pada separuh pertama tahun 2008. Pertumbuhan yang lebih memberangsangkan ini berjaya dicapai meskipun persekitaran luaran menjadi lebih mencabar dan ketidakpastian semakin menular dalam pasaran kewangan antarabangsa.

Salah satu faktor penyumbang utama kepada pencapaian ini ialah kejayaan transformasi ekonomi Malaysia dalam dekad kebelakangan ini yang telah menjana pertumbuhan yang lebih seimbang dan pelbagai. Malah sektor perkhidmatan dan pertanian makin terserlah sebagai pemacu pertumbuhan. Di samping itu, permintaan dalam negeri juga memainkan peranan yang lebih penting dalam memacu pertumbuhan. Permintaan dan pertumbuhan dalam negeri yang lebih kukuh dalam sektor perkhidmatan dan pertanian telah memberikan manfaat kepada sektor PKS kerana sebilangan besar PKS beroperasi dalam kedua-dua sektor ini.

Namun, kenaikan harga tenaga dan komoditi antarabangsa telah mengakibatkan kenaikan kos dan tekanan inflasi yang semakin

membebankan ekonomi dunia. Berikutan itu, beberapa ekonomi sedang pesat membangun telah menstrukturkan semula subsidi bahan api dalam usaha mewujudkan ekonomi yang lebih cekap dan untuk mencapai kedudukan fiskal yang lebih mampan. Ini diikuti oleh pelarasan harga pengguna memandangkan jurang antara harga pasaran antarabangsa dengan harga dalam negeri kian kecil. Di Malaysia, harga minyak dilaraskan sebanyak 40.6% manakala harga diesel pula dilaraskan sebanyak 63.3%. Pelarasan ini akan dicerminkan dalam inflasi harga pengguna pada bulan Jun yang dijangka melebihi 6%. Bermula 1 Julai, tarif elektrik juga dinaikkan sebanyak 18% untuk isi rumah manakala kenaikan purata bagi beberapa pengguna komersial dan industri adalah sebanyak 26%. Meskipun inflasi dalam negeri dijangka terus tinggi pada bulan-bulan seterusnya tahun ini dan juga pada awal tahun hadapan, inflasi dijangka kembali sederhana pada separuh kedua tahun 2009.

Dalam persekitaran antarabangsa semasa, tindak balas dasar perlu dirumuskan berdasarkan keadaan semasa setiap ekonomi. Bagi ekonomi yang mengalami kemeruapan (overheating) dan keadaan permintaan yang kukuh, jelas bahawa dasar perlu dirumuskan dengan matlamat untuk membendung permintaan. Namun, bagi ekonomi yang mencatat pertumbuhan yang semakin sederhana, risiko pertumbuhan dan inflasi perlu dinilai dengan teliti. Di samping itu, kesan deflasi kenaikan harga bahan api terhadap penggunaan perlu juga diambil kira. Trend penggunaan dan keadaan pasaran pekerja boleh memberikan gambaran akan kemungkinan berlakunya kesan pusingan kedua akibat kos yang semakin meningkat dan setakat mana berlakunya kenaikan harga secara meluas.

Dalam persekitaran sebegini, PKS perlu memberikan pertimbangan terhadap cara untuk menyusun semula strategi perniagaan dan mencari pasaran dan saluran pertumbuhan baharu. Rekayasa semula proses (reengineering of processes) juga perlu dibuat bagi menguruskan kenaikan kos dengan lebih cekap. Apa yang penting, PKS harus menggunakan kefleksibelan dan ketangkasan sedia ada masing-masing untuk mencipta produk baharu dan mengorientasikan semula perniagaan mereka. Tekanan inflasi berkemungkinan besar tidak akan menjejaskan kelebihan persaingan Malaysia kerana ia merupakan fenomena global dan banyak rakan perdagangan dan negara jiran turut mengalami kadar inflasi yang sama ataupun lebih tinggi.

Pertumbuhan yang mampan dalam persekitaran ekonomi yang kian mencabar memerlukan usaha bersepadu sektor awam dan swasta untuk mengurangkan kos dan menjadi lebih cekap dan produktif. Bagi membantu PKS dalam persekitaran sebegini, Kerajaan baru-baru ini telah menubuhkan Jawatankuasa Khas untuk merumuskan langkah-langkah yang akan dilaksanakan bagi mengurangkan kesan kenaikan kos terhadap PKS. Langkah-langkah yang bakal diumumkan pada akhir bulan ini bertujuan untuk mempertingkatkan kecekapan dan produktiviti PKS, mengurangkan kos menjalankan perniagaan serta memastikan PKS mempunyai akses kepada pembiayaan yang berterusan.

Agenda Pembangunan PKS

PKS memainkan peranan penting dalam ekonomi. Lantaran itu, Kerajaan memberikan lebih penekanan terhadap usaha membangunkan dan memperkukuh sektor PKS. Bermula daripada saranan Jawatankuasa Pemandu PKS Kebangsaan, Kerajaan mengambil keputusan penting pada bulan Jun 2004 untuk menubuhkan Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan. Majlis yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri dengan disokong oleh Bank Negara Malaysia sebagai Sekretariat berperanan menentukan hala tuju dasar bagi program pembangunan PKS dan memastikan program ini diselaraskan dan dilaksanakan secara berkesan. Anggota Majlis terdiri daripada Perdana Menteri, 15 Menteri dan empat Ketua Agensi yang terlibat dalam pembangunan PKS.

Sejak penubuhan Majlis ini pada tahun 2004, strategi PKS negara memberi tumpuan

pada pembangunan PKS yang berprestasi tinggi dan berdaya tahan dengan membina keupayaan dan menyediakan persekitaran yang menyokong mereka. Langkah-langkah yang diambil dikelompokkan di bawah tiga teras strategik utama, iaitu memperkukuh infrastruktur yang menyokong pembangunan PKS; mempertingkatkan kapasiti dan keupayaan PKS; dan meningkatkan akses kepada pembiayaan. Prinsip asas yang diterima pakai adalah untuk membantu PKS berdikari.

Rangka Kerja Pengurusan Rangka Tindakan PKS (SME Blueprint Management Framework) tahunan telah dilaksanakan bagi memastikan program pembangunan PKS adalah lebih fokus, holistik dan berkesan dengan kerjasama yang lebih erat dalam kalangan Kementerian dan Agensi yang berkenaan. Pada tahun 2007, lebih 286,000 PKS telah menerima bantuan dengan terlaksananya 189 program pembangunan utama, yang menelan belanja sebanyak RM4.9 bilion. Sebanyak 198 program utama sedang dilaksanakan pada tahun 2008 yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM3.2 bilion.

Dengan asas kukuh yang telah dibina, Majlis mengumumkan pembentukan Agensi Penyelaras Pusat PKS pada 2 Jun 2008 untuk memajukan lagi sektor PKS berdasarkan kejayaan yang dicapai dan membawa sektor PKS ke peringkat kemajuan seterusnya. Agensi PKS yang khusus ini merupakan penambahbaikan struktur yang utama dalam agenda pembangunan PKS dan menandakan satu lagi pencapaian yang membanggakan dalam pembangunan PKS di Malaysia. Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana atau SMIDEC akan ditransformasikan dan disusun semula untuk memikul tanggungjawab tersebut. Entiti baru ini yang akan dikenali sebagai SME Corporation Malaysia atau ringkasnya SME Corp, akan menjadi agensi sehenti yang menjalankan penyelarasan keseluruhan terhadap perumusan dasar PKS dan penilaian program pembangunan PKS. SME Corp akan menjadi pusat perkhidmatan maklumat, rujukan dan khidmat nasihat buat PKS daripada pelbagai sektor dan akan menjadi Sekretariat kepada Majlis, tugas yang sebelum ini dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia.

Meningkatkan Akses PKS kepada Pembiayaan

Usaha Bank Negara Malaysia sendiri tertumpu pada memastikan PKS mempunyai akses kepada pembiayaan yang mencukupi tanpa mengira peringkat kitaran hayat perniagaan mereka. Empat bidang umum diberikan tumpuan khusus. Pertama, memperkukuh penyedia perkhidmatan kewangan. Ini termasuk pengukuhan peranan institusi perbankan dalam menyediakan pembiayaan kepada PKS. Dalam lima tahun kebelakangan ini, tumpuan institusi kewangan kepada sektor PKS kian ketara. Kami juga telah melihat anjakan paradigma dalam pendekatan institusi kewangan dari segi urusan pembiayaan PKS. Institusi perbankan kini semakin giat memperkenalkan strategi untuk berhubung dengan pelanggan PKS (SME customer), mencipta budaya perniagaan baharu untuk segmen PKS dan meningkatkan produk dan perkhidmatan kewangan yang ditawarkan kepada industri PKS. Bahagian pembiayaan PKS daripada jumlah pembiayaan perniagaan oleh institusi perbankan telah meningkat daripada 30% pada tahun 1999 kepada 44% pada akhir bulan Mei 2008.

Di samping itu, Rangka Kerja Keinstitusian Pembiayaan Mikro yang mampan dan komprehensif telah dilaksanakan pada tahun 2006. Sejak pelaksanaannya, terdapat perkembangan yang menggalakkan dalam penyertaan institusi kewangan dalam penyediaan pembiayaan mikro. Kini, sembilan institusi kewangan telah melancarkan produk pembiayaan mikro, yang telah membantu menambahkan akses kepada pembiayaan bagi perusahaan mikro. Pembiayaan mikro terkumpul kini berjumlah RM325 juta dengan pelanggan sebanyak lebih daripada 31,000 orang.

Selain itu, penyedia perkhidmatan kewangan seperti Credit Guarantee Corporation dan juga Bank Pertanian Malaysia, yang kini dikenali sebagai Agrobank, turut melalui proses transformasi untuk menjadi institusi yang lebih berkesan, cekap dan mampan dari segi kewangan. Sehubungan dengan ini, Biro Kredit PKS, iaitu suatu inisiatif penting di bawah rancangan transformasi CGC, telah memulakan

operasi secara rasmi pada 1 Julai 2008. Biro ini memainkan peranan sebagai sumber maklumat kredit yang boleh dipercayai bagi PKS dan bakal pembiaya mereka. PKS akan dibantu untuk membina rekod prestasi dan seterusnya boleh meningkatkan akses kepada pembiayaan berdasarkan syarat-syarat yang lebih baik. Berikutan itu, keputusan yang lebih cepat boleh dibuat berhubung dengan permohonan pinjaman di samping penyediaan profil kedudukan kredit PKS yang seimbang. Langkah ini juga dapat menyemai pemahaman yang lebih mendalam bagi PKS akan keadaan kewangan masing-masing, berdasarkan analisis yang disediakan oleh laporan Biro.

Inisiatif telah diambil untuk terus menghasilkan produk kewangan baharu bagi memenuhi keperluan PKS dalam pelbagai segmen dan peringkat pertumbuhan yang sering berubah. Ini termasuk memperkenalkan skim jaminan CGC baharu untuk membantu PKS baharu yang tidak mempunyai cagaran yang mencukupi dan rekod prestasi kewangan yang memadai untuk mendapat pembiayaan bank.

Akhirnya, untuk memperlengkap infrastruktur kewangan, inisiatif telah diambil untuk membangunkan khidmat nasihat kewangan yang komprehensif. Bank Negara Malaysia telah menubuhkan Laman Informasi Nasihat dan Khidmat atau BNMLINK, dan BNMTELELINK, iaitu Pusat Perhubungan khusus, untuk memberikan khidmat nasihat kewangan kepada PKS. Di samping itu, Bank Negara Malaysia turut mewujudkan Skim Penyelesaian Hutang Kecil. Di bawah Skim ini, PKS yang berdaya maju yang dibelenggu pinjaman tak berbayar boleh dibantu melalui penyusunan semula pinjaman dan penyediaan pembiayaan tambahan.

Pembiayaan PKS kini adalah memberangsangkan, dengan institusi kewangan masih merupakan penyedia pembiayaan utama bagi PKS. Pada tahun 2007, institusi perbankan telah meluluskan pembiayaan baharu sebanyak RM55 bilion kepada lebih 109,000 akaun PKS. Pada lima bulan pertama tahun ini sahaja, pembiayaan baharu sebanyak RM22.7 bilion telah diluluskan kepada lebih 55,800 akaun PKS. Pada akhir bulan Mei 2008, pembiayaan PKS terkumpul oleh institusi perbankan berjumlah RM120.3 bilion. Institusi perbankan dijangka meluluskan pembiayaan sebanyak RM61 bilion kepada lebih 115,000 akaun PKS pada tahun 2008, yakni pertambahan pembiayaan tahunan sebanyak 10%.

Dalam beberapa tahun ini, pelanggan PKS kian mendapat perhatian institusi perbankan di Malaysia. Justeru, institusi perbankan lebih prihatin dalam memenuhi keperluan pelanggan PKS yang berdaya maju, yang mungkin menghadapi masalah dalam persekitaran semasa yang mencabar ini. Institusi perbankan perlu berhubung dan berinteraksi secara lebih kerap dengan pelbagai persatuan yang mewakili PKS untuk mengenal pasti dan mewujudkan penyelesaian bagi menangani isu-isu yang membelenggu PKS dan pada masa yang sama turut menjelaskan apa yang diharapkan daripada PKS. Bank juga harus lebih fleksibel dalam menstrukturkan kemudahan pembiayaan termasuk menyesuaikan tempoh pembayaran balik dalam lingkungan tahap pengurusan risiko yang boleh diterima. Bank juga boleh memperluas penyediaan khidmat nasihat kepada PKS dan secara proaktif mengenal pasti pelanggan PKS yang mungkin menghadapi tekanan dalam persekitaran perniagaan yang sukar ini sebelum terlambat. Nasihat yang mencukupi mengenai pengurusan kewangan boleh menjangkakan dan mengelakkan masalah lebih awal berhubung dengan kemudahan pembiayaan.

Bank Negara Malaysia turut menyokong peralihan kepada pembayaran elektronik sebagai langkah meningkatkan tahap kecekapan. Dalam persekitaran semasa, langkah sebegini tidak syak lagi amat perlu. Penggunaan kaedah pembayaran elektronik dapat menambahkan kecekapan perniagaan di samping mengurangkan kos menjalankan perniagaan. Kaedah pembayaran yang lebih cepat dan cekap ini hendaklah diberikan keutamaan yang lebih tinggi oleh sektor perniagaan termasuk PKS. Untuk memudahkan proses peralihan ini, Bank Negara Malaysia telah mengurangkan fi urus niaga bagi sistem RENTAS (sistem penyelesaian kasar masa nyata yang dikendalikan oleh Bank Negara

Malaysia) untuk pembayaran yang dibuat oleh institusi kewangan bagi pihak pelanggan mereka. Berkuat kuasa 15 Julai 2008, fi urus niaga RENTAS yang dikenakan ke atas bank-bank ahli akan dikurangkan sebanyak RM1.00 kepada RM1.50 sahaja. Pengurangan fi ini selanjutnya akan mengurangkan caj bank yang dikenakan oleh bank-bank ahli ke atas pelanggan mereka bagi pembayaran RENTAS dan ini berkuat kuasa pada tarikh yang sama. Di samping itu, industri perbankan akan mengkaji semula struktur fi bagi pemindahan dana supaya fi tetap dikenakan dan bukannya Komisen Pertukaran Dalaman sedia ada sebanyak 0.03%.

Dalam persekitaran ini, PKS juga perlu bersikap proaktif dan mengambil inisiatif sendiri untuk memperlengkap langkah yang diambil oleh Kerajaan dan bank. PKS harus mengutamakan kecekapan kos dan peningkatan produktiviti. Setiap aspek operasi perniagaan harus diamati untuk mengenal pasti cara untuk memperkemas proses, menghapuskan pembaziran, menggabungkan aktiviti serta menerima pakai teknologi dan proses berkesan tenaga yang baharu. PKS yang beroperasi dalam lokasi geografi yang sama dan mempunyai input pengeluaran yang serupa juga boleh mempertimbangkan untuk mengumpulkan keperluan pembelian mereka bagi meraih manfaat diskaun pukal daripada para pembekal, di samping berkongsi kos yang umum seperti pengangkutan. Dalam hal ini, Dewan Perniagaan dan persatuan industri turut memainkan peranan penting dalam memudahkan pembelian pukal bahan mentah yang penting untuk para ahlinya. Sesi berkongsi pengalaman boleh juga dianjurkan agar ahli mengetahui cara untuk mencapai kecekapan kos dan meningkatkan produktiviti.

Sama penting dengan kecekapan kos ialah keperluan untuk menambahkan nilai tambah dan mencari bidang pertumbuhan baharu. Langkah ini memerlukan sumber disalurkan kepada bidang baharu yang mempunyai kelebihan persaingan. Dalam usaha mencapai daya saing jangka panjang, PKS perlu menerima pakai amalan terbaik dalam tadbir urus dan proses pengurusan risiko. Kebolehan untuk bekerja keras dan amalan berhemat, ketangkasan untuk menyesuaikan diri dengan keadaan yang berubah-ubah, ketabahan dan kemahiran keusahawanan serta kebolehan untuk memperkukuh kesemua ciri tersebut – merupakan kualiti yang akan menjadikan PKS mampu mengharungi cabaran yang mendatang dan berkembang maju serta menambahkan sumbangan mereka kepada ekonomi negara.

Seminar hari ini menyediakan platform kepada PKS untuk menambahkan pengetahuan tentang pelbagai kemudahan kewangan yang ditawarkan oleh institusi perbankan. Rebutlah dan gunakanlah peluang ini sebaik mungkin. Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Persatuan Bank-bank Malaysia kerana menganjurkan seminar penting ini tentang “Mempertingkatkan Kesedaran PKS Mengenai Akses kepada Pembiayaan”. Saya berharap agar Seminar ini berjaya mencapai matlamatnya dan memberikan pengetahuan yang berguna buat semua.

Forum Penerbit dan Pelabur Kewangan Islam Malaysia 2008: (Pelancaran Kempen Komunikasi Global MIFC) Kuala Lumpur, 11 Ogos 2008

Ucaptama oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif MIFC dan Gabenor, Bank Negara Malaysia

Saya amat berbesar hati berada di sini pada pagi ini untuk turut serta dalam Forum Penerbit dan Pelabur Kewangan Islam Malaysia Ketiga (Malaysia Islamic Finance, MIF) 2008. Pada Forum MIF yang pertama pada bulan Ogos 2006, inisiatif Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (Malaysia International Islamic Financial Centre, MIFC) telah dilancarkan. Pelancaran ini merupakan sebahagian daripada usaha untuk mengukuhkan lagi hubungan ekonomi dan kewangan Malaysia dengan seluruh dunia. Kami amat yakin bahawa sebagai hab kewangan Islam antarabangsa, MIFC akan menjadi satu elemen penting yang akan memudahkan pencapaian aspirasi tersebut. Sejak pelancaran MIFC, pusat kewangan tradisional lain seperti Hong Kong, Singapura, Dubai dan London juga telah memperhebat penyertaan mereka dalam sistem kewangan Islam.

Sebagai satu segmen yang paling pesat berkembang dalam sistem kewangan antarabangsa, bilangan institusi kewangan Islam semakin bertambah dan rangkaian produk kewangan Islam yang inovatif semakin meningkat. Yang penting ialah kemajuan ini telah disokong oleh rangka kerja perundangan, pengawalseliaan dan Syariah yang rapi dan kukuh, sekali gus memastikan kestabilan dan kemampanannya.

Persekitaran Operasi Kewangan Islam

Dengan pengantarabangsaan kewangan Islam dan perubahan pesat landskap kewangan antarabangsa, kewangan Islam semakin bersepadu dengan sistem kewangan antarabangsa. Perkembangan ini dapat dilihat dalam kesemua segmen sistem kewangan Islam termasuk industri perbankan Islam dan takaful, serta pasaran wang dan modal Islam.

Kini, sistem kewangan Islam telah mempunyai bilangan peserta dan institusi yang pelbagai dalam jumlah yang besar. Rangkaian produk dan perkhidmatan yang ditawarkan juga kian bertambah. Tahap kemajuan inovasi produk telah menjadi pesat dengan lebih banyak produk kewangan Islam yang canggih termasuk produk berstruktur dan berkaitan pelaburan. Produk-produk ini telah menjadi kompetitif dari segi struktur dan harga, dan pasaran kewangan Islam juga semakin mendalam. Ini telah menambah daya tarikan instrumen kewangan Islam sebagai satu kelas aset bagi pelaburan.

Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (Islamic Financial Services Board, IFSB) telah membangunkan piawai kehematan untuk mentadbir urus operasi institusi kewangan Islam. IFSB bukan sahaja mempunyai peranan penting dalam mengharmonikan piawai kehematan, tetapi juga memberikan sumbangan ke arah pembangunan kewangan Islam yang konsisten di seluruh dunia. Beberapa negara di dunia termasuk Malaysia telah melaksanakan piawai kehematan yang telah dikeluarkan oleh IFSB. Piawai kehematan ini yang dirangka dengan mengambil kira ciri-ciri unik yang khusus dalam kewangan Islam akan menyumbang ke arah kemantapan dan kestabilannya.

Perkembangan Pasaran Sukuk

Pasaran sukuk global telah mencatat pertumbuhan luar biasa melebihi 70 peratus pada tahun 2007. Terbitan baharu pada tahun itu mencatat rekod tertinggi kira-kira USD47 bilion manakala pasaran sukuk global terkumpul kini melepasi paras USD100 bilion. Meskipun persekitaran kewangan antarabangsa lebih mencabar berikutan krisis kewangan yang melanda beberapa ekonomi maju dalam tempoh 12 bulan yang

lalu, kesannya terhadap pasaran sukuk adalah kecil. Sehingga bulan Jun 2008, pasaran sukuk terus kukuh dengan jumlah terbitan global kini melebihi USD10 bilion. Dengan pengiktirafan yang lebih besar terhadap pasaran sukuk sebagai satu bentuk pembiayaan yang kompetitif dan menarik, pasaran sukuk global dijangka terus meningkat pada masa hadapan.

Perkembangan Hab kewangan Islam antarabangsa di Malaysia disokong oleh lima asas.

Asas 1: Originasi Terbitan Sukuk

Malaysia kini berjaya membangunkan pasaran sukuk yang dalam, cair (liquid) dan memberangsangkan hasil daripada terbitan sukuknya yang pertama di dunia pada tahun 1990. Jumlah sukuk yang terbesar telah diterbitkan dalam pasaran sukuk Malaysia pada tahun 2007. Jumlah terbitan dianggarkan bernilai RM15 bilion atau bersamaan kira-kira USD5 bilion. Walaupun sukuk tersebut diterbitkan ketika krisis subprima sedang memuncak, ia telah menarik permintaan yang besar dan terlebih langganan melebihi dua kali. Oleh itu, originasi terbitan sukuk dikenal pasti sebagai salah satu daripada asas penting dalam sistem kewangan Islam Malaysia. Pada akhir tahun 2007, lebih 60 peratus daripada sukuk global terkumpul diterbitkan di Malaysia dan terbitan sukuk semakin meningkat pada kadar tahunan kira-kira 20 peratus dan mencakupi kira-kira 56 peratus daripada pasaran bon terkumpul di Malaysia.

Beberapa bank pembangunan pelbagai hala, agensi separa berdaulat dan syarikat multinasional telah mendapat kelulusan pihak berkuasa negara masing-masing untuk menerbitkan sukuk dalam pasaran sukuk domestik kami. Peraturan pentadbiran pertukaran asing Malaysia telah diliberalisasikan dengan lebih meluas bagi membolehkan syarikat bukan pemastautin memperoleh dana dalam denominasi ringgit dan mata wang asing daripada pasaran kami. Oleh itu. penerbit antarabangsa boleh menerbitkan sukuk pelbagai mata wang selain mempunyai fleksibiliti untuk menukar pendanaan mata wang domestik dengan mata wang lain.

Asas 2: Pengurusan Dana dan Kekayaan Islam

Pasaran sukuk merupakan sumber pembiayaan penting bagi aktiviti pelaburan yang produktif, dan berpotensi untuk pelabur mempelbagaikan pelaburan dalam aset kelas baharu. Asas kedua dalam hab kewangan Islam Malaysia ialah industri pengurusan dana dan kekayaan Islam. Malaysia terletak di tengah-tengah rantau ASEAN yang mempunyai penduduk seramai 570 juta orang. Malaysia juga terletak di antara ekonomi Asia yang utama iaitu India, China, Jepun dan Korea. Malaysia yang mempunyai ekonomi yang sangat terbuka dalam aktiviti perdagangan dan pelaburan dan merupakan penerima pelaburan langsung asing yang utama sejak lebih daripada 100 tahun.

Sebagai sebuah destinasi pelaburan kewangan, pasaran modal Malaysia menawarkan pelbagai rangkaian produk kewangan bertaraf dunia. Lebih daripada 85 peratus syarikat yang tersenarai dalam pasaran ekuiti adalah berlandaskan Syariah, mencakupi kira-kira 60 peratus daripada jumlah permodalan pasaran. Peluang pelaburan lain termasuklah dalam Amanah Pelaburan Harta Tanah (Real Estate Investment Trusts, REITs), amanah saham dan Dana Dagangan Bursa (Exchange Traded Fund) Islam. Pengantara pasaran modal di Malaysia, iaitu bank-bank pelaburan dan syarikat pengurusan dana Islam telah memainkan peranan utama dalam menyokong kemajuan industri ini. Kedua-dua produk runcit dan borong ditawarkan dalam mata wang ringgit dan bukan ringgit dan tiada halangan untuk melabur 100 peratus dana di luar negeri. Peraturan pentadbiran pertukaran asing kini membenarkan pergerakan bebas dana ke dalam dan luar negara.

Asas 3: Perbankan Islam Antarabangsa

Sistem kewangan Islam juga telah diliberalisasikan secara meluas bagi membolehkan kemasukan institusi kewangan Islam asing yang menawarkan perniagaan perbankan domestik dan antarabangsa. Selain itu, had maksimum pegangan ekuiti asing dalam institusi kewangan Islam dinaikkan sehingga 49 peratus sebagai sebahagian daripada usaha untuk menggalakkan pakatan strategik. Perniagaan perbankan Islam dalam mata wang

asing boleh dijalankan melalui unit perniagaan mata wang antarabangsa (international currency business units, ICBU) yang boleh ditubuhkan dalam institusi-institusi kewangan dan bank-bank Islam antarabangsa sedia ada. Bank-bank Islam antarabangsa seumpama ini boleh ditubuhkan sama ada sebagai satu cawangan atau syarikat subsidiari. Pada masa ini, kira-kira 16 peratus jumlah aset dalam sistem perbankan Malaysia adalah berlandaskan Syariah.

Asas 4: Perniagaan Takaful Antarabangsa

Asas keempat ialah perniagaan takaful dan takaful semula. Pada masa ini terdapat lapan pengendali takaful, dan beberapa daripada pengendali takaful tersebut merupakan usaha sama dengan pemegang saham asing yang mengendalikan perniagaan takaful domestik dan antarabangsa. Di samping itu, lesen-lesen telah dikeluarkan kepada tiga peserta insurans semula untuk menjalankan perniagaan takaful semula di Malaysia. Beberapa pengendali takaful sedia ada telah menubuhkan ICBU dan sebuah syarikat takaful antarabangsa baharu telah diberikan lesen sebagai pengendali takaful antarabangsa untuk menjalankan perniagaan takaful dalam mata wang asing.

Asas 5: Modal Insan dan Kepimpinan Pemikiran

Asas kelima ialah modal insan dan kepimpinan pemikiran. Beberapa projek pembangunan modal insan telah dilaksanakan bagi memupuk kepimpinan pemikiran dalam kewangan Islam dan mewujudkan bekalan tenaga mahir untuk industri kewangan Islam. Memiliki kumpulan tenaga mahir dan kepakaran yang secukupnya ialah kunci kepada pembangunan hab kewangan Islam di Malaysia. Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (International Centre for Education in Islamic Finance, INCEIF) yang mempunyai fakulti antarabangsa dan pelajar dari lebih daripada 40 buah negara, memberikan tumpuan pada program untuk profesional dan pakar kewangan Islam bagi memenuhi keperluan modal insan dalam industri perkhidmatan kewangan global. Kumpulan pertama pelajar bagi Profesional Kewangan Islam Bertauliah (Chartered Islamic Finance Professional, CIFP), yang ditawarkan oleh INCEIF dijangka menamatkan pengajian pada penghujung tahun ini setelah menghabiskan program ini selama tiga tahun termasuk latihan amali dengan sebuah institusi kewangan Islam.

Memperkukuh Inisiatif MIFC

Hab kewangan Islam Malaysia telah dibina pada asas sistem kewangan yang komprehensif dan progresif yang dibangunkan sejak tiga dekad yang lalu. Aktiviti dalam sistem kewangan Islam menjadi semakin giat, khususnya dalam pasaran sukuk dan dalam urus niaga borong kewangan Islam. Melangkah ke hadapan, Malaysia akan bekerjasama dengan pusat-pusat kewangan lain dengan sasaran untuk mengukuhkan kesalinghubungan antarabangsa dalam sistem kewangan Islam global.

Hari ini, Malaysia sedang mengambil satu lagi langkah ke hadapan dan melancarkan kempen komunikasi global ke seluruh dunia. Kempen ini ialah sebahagian daripada usaha untuk memperkukuh hubungan Malaysia dengan seluruh dunia. Kempen Komunikasi Global MIFC menampilkan peluang dan tawaran – di Malaysia – kepada pelabur, penerbit, industri dalam sektor ekonomi dan kepada para profesional dan pengamal yang berminat dalam industri perkhidmatan kewangan Islam. Malaysia merupakan satu tempat pertemuan bagi mereka yang mempunyai lebihan dana dan mereka yang ingin memperoleh dana dari seluruh pelosok dunia. Sebagai hab kewangan Islam, pengantara kewangan Islam disokong oleh institusi pendidikan bagi membangunkan modal insan dalam kewangan Islam.

Malaysia mempunyai aspirasi untuk menjadi peneraju kewangan Islam yang merupakan segmen yang paling pesat berkembang dalam industri kewangan global pada hari ini. Sempena sesi pembukaan MIF 2008, saya amat berbesar hati untuk melancarkan Kempen Komunikasi Global MIFC. Kepada semua peserta, saya berharap persidangan ini berjaya dan produktif.

Dialog Sektor Awam-Swasta SEACEN/ABAC/ABA/PECC yang ke-4 di Rantau Asia Pasifik "Pelaksanaan Basel II dan Sistem Kewangan Asia: Pengalaman, Cabaran dan Kerjasama Serantau" Kuala Lumpur, 18 Ogos 2008

Ucaptama oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Saya amat berbesar hati kerana berpeluang hadir di sini pada hari ini untuk berucap di majlis Dialog Sektor Awam-Swasta anjuran Pusat Latihan Bank-bank Pusat Asia Tenggara dengan kerjasama Majlis Penasihat Perniagaan APEC, Asian Bankers Association dan Majlis Kerjasama Ekonomi Pasifik, mengenai pembangunan sistem kewangan Asia dan pelaksanaan Basel II.

Basel II dilaksanakan di rantau Asia Pasifik ketika risiko berada pada tahap yang tinggi, pada masa ekonomi dan sistem kewangan kita berhadapan dengan cabaran yang besar dan ketidakpastian yang meningkat. Oleh sebab asas-asas Basel II menitikberatkan peningkatan kadar respons institusi perbankan terhadap risiko, harapan terhadap Basel II adalah tinggi agar mampu menangani kerumitan dan haluan risiko yang semakin tidak menentu dalam persekitaran semasa. Terdapat juga minat yang semakin mendalam untuk menilai kemampuan rangka kerja Basel II dalam menjangka haluan risiko dengan lebih awal dan seterusnya memastikan penyediaan penampan modal yang mencukupi bagi risiko tersebut. Perkongsian pengalaman pelaksanaan Basel II di rantau ini dan perbincangan yang lebih meluas antara pihak penyelia dengan komuniti kewangan akan memberikan kefahaman yang lebih mendalam terhadap kesemua isu ini. Matlamat akhir Basel II adalah untuk menjadikan bank lebih berdaya tahan dan dengan itu mengekalkan kestabilan kewangan secara lebih meluas.

Di rantau Asia Pasifik, 13 buah negara telah menerima pakai pendekatan *standardised* di bawah Basel II bagi risiko kredit dan risiko operasi. Beberapa buah negara juga telah pun menggunakan atau mengumumkan rancangan untuk menggunakan pendekatan yang lebih maju pada atau sebelum tahun 2010. Malaysia telah menerima pakai pendekatan *standardised* pada tahun ini dan baru-baru ini mengeluarkan kertas konsep yang memperincikan parameter pelaksanaan pendekatan yang lebih maju untuk digunakan pada tahun 2010.

Ekonomi global telah memasuki suatu tempoh ketidakpastian yang lebih ketara, dengan beberapa perkembangan di sesetengah negara maju telah memberikan kesan yang menggugat kestabilan ekonomi global. Pasaran kewangan antarabangsa terus mengalami kegawatan akibat perkembangan dalam pasaran subprima di Amerika Syarikat yang mengakibatkan keadaan mudah tunai dalam pasaran kredit lebih ketat. Kesan perkembangan ini terhadap kedudukan kewangan institusi kewangan telah menjejaskan fungsi pasaran kewangan dan proses pengantaraan kewangan. Ini memerlukan dasar campur tangan bagi membendung implikasi sistemiknya. Di samping itu, ekonomi global telah melalui suatu tempoh harga komoditi dan tenaga yang tinggi yang bukan sahaja mengakibatkan kenaikan inflasi malah telah menyebabkan kelembapan pertumbuhan ekonomi.

Meskipun rantau Asia telah mencatat pertumbuhan yang kukuh pada separuh tahun pertama 2008, namun ekonomi serantau dijangka terjejas oleh perkembangan yang dinyatakan di atas. Walaupun pertumbuhan dijangka menjadi sederhana, kebanyakan ekonomi akan terus menunjukkan prestasi pertumbuhan yang baik. Walau bagaimanapun, rantau ini akan terus menghadapi tekanan

inflasi susulan kenaikan harga komoditi dan tenaga. Namun, inflasi dijangka kembali lega berikutan pembetulan ketara yang berlaku baru-baru ini ekoran kadar pertumbuhan global yang lebih perlahan.

Rantau Asia dijangka dapat mengharungi tempoh yang mencabar ini dengan sokongan pertumbuhan perdagangan intrarantau dan peluasan hubungan ekonomi dengan Eropah Timur dan Rusia, Timur Tengah serta Amerika Latin. Pada masa yang sama, pertambahan perbelanjaan infrastruktur dalam beberapa ekonomi utama akan terus menyokong permintaan dalam negeri. Selain itu, asas-asas ekonomi Asia yang teguh, termasuk paras rizab yang tinggi, hutang luar negeri yang rendah, sistem kewangan yang kukuh serta kedudukan fiskal yang bertambah baik akan memberikan kefleksibelan mengurus risiko terhadap ekonomi dan sistem kewangan yang lebih baik.

Berlatarkan persekitaran ini, pelaksanaan Basel II merupakan dorongan yang kuat untuk bank meningkatkan dengan ketara daya tahan jangka panjang dan kelebihan bersaingan mereka. Pelaksanaan ini menjanjikan kestabilan kewangan yang lebih kukuh melalui penjajaran risiko dengan modal yang lebih setimpal. Bagi meraih manfaat penuh pelaksanaan Basel II, dimensinya yang pelbagai perlu difahami dengan mendalam dan disepadukan sebaiknya dengan struktur kewangan, amalan institusi dan sistem penyeliaan. Pasaran sedang pesat membangun khususnya perlu memastikan interpretasi penyeliaan rangka kerja adalah berdasarkan konteks tempatan dan prasyarat bagi pelaksanaan berkesan telah dipenuhi dengan secukupnya bagi mengelakkan kemungkinan berlakunya gangguan pasaran.

Di peringkat institusi pula, Basel II menyediakan peluang unik bagi bank untuk menyepadukan pertimbangan risiko dengan strategi perniagaan. Malah, beberapa institusi kewangan terkemuka telah berjaya membawa Basel II melangkaui pelaksanaan aplikasi risiko secara sempit dan mekanistik, kepada pelaksanaan rangka kerja yang lebih strategik meliputi seluruh organisasi. Institusi sedemikian telah memanfaatkan infrastruktur risiko yang lebih baik yang dihasilkan untuk Basel II bagi mewujudkan kelebihan bersaingan melalui penggunaan alat perniagaan dan pengurusan baharu. Ini membolehkan fungsi risiko memainkan peranan utama dalam menentukan langkah strategik ke arah pasaran ataupun produk baharu. Dengan ini, ia akan memastikan strategi adalah sejajar dengan kesanggupan mengambil risiko dan dasar-dasar bank.

Manfaat daripada pelaksanaan Basel II tidak boleh diperoleh hanya melalui pematuhan terhadap pengawalseliaan yang ketat. Meskipun Basel II bertindak sebagai pemangkin kuat yang mengubah semula peranan dan perhatian terhadap pengurusan risiko dalam institusi perbankan, usaha yang gigih perlu dijuruskan kepada pengukuhan struktur kewangan, tadbir urus korporat, pengurusan risiko dan keupayaan pengurusan data dalam institusi perbankan. Pendekatan yang diterima pakai oleh Bank Negara Malaysia adalah untuk melengkapkan dan mengukuhkan hasil positif Basel II melalui usaha-usaha ini. Kesemua ini merupakan prasyarat penting dan bukannya hasil yang terbentuk secara automatik daripada pelaksanaan Basel II.

Berikutan krisis gadai janji subprima di Amerika Syarikat, beberapa aspek Basel II telah diberikan perhatian. Antaranya ialah penggunaan penarafan dalam rangka kerja pengawalseliaan dan sama ada ia secara tidak langsung telah mengurangkan galakan bagi pelabur untuk melaksanakan usaha wajar (due diligence) mereka sendiri. Anggaran risiko yang lebih rendah daripada yang sepatutnya bagi pengsekuritian kredit berstruktur kini diteliti dengan lebih rapi. Perdebatan tentang kesan kitaran Basel II juga semakin rancak. Keberkesanan proses kajian semula penyeliaan bagi memastikan penampan modal tambahan disediakan oleh bank bagi risiko yang tidak diambil kira sepenuhnya di bawah Asas 1 (Pillar 1) rangka kerja juga dikaji semula oleh pihak berkuasa.

Kepentingan kesemua isu ini secara relatif adalah berbeza antara negara dan ia bergantung pada tahap kemajuan pasaran kewangan dan sistem perbankan serta struktur penyeliaan sedia ada. Pengalaman pelaksanaan Basel II antara negara Asia Pasifik juga berbeza-beza.

Bagi ekonomi sedang pesat membangun, impak Basel II adalah jauh lebih mendalam disebabkan oleh beberapa faktor. Pertama, banyak ekonomi sedang pesat membangun terlalu bergantung pada sistem perbankan untuk membiayai aktiviti ekonomi. Dengan beberapa pengecualian, bank perdagangan merupakan penyedia kredit utama dalam kebanyakan ekonomi sedang pesat membangun, mencakupi secara purata 90% daripada jumlah kredit. Ini menyebabkan korelasi yang lebih tinggi dalam sektor ekonomi, dan implikasinya terhadap sistem perbankan boleh mengakibatkan gangguan yang besar terhadap bekalan kredit, yang seterusnya boleh menjejaskan aktiviti ekonomi.

Kedua, pendekatan Basel II yang lebih maju telah diperincikan berdasarkan persekitaran negara-negara G10, dengan penambahan caj modal yang besar apabila penarafan terhadap kebarangkalian mungkir janji peminjam merosot. Sekiranya perkara ini secara tidak wajar meningkatkan kitaran ekonomi dengan mendorong salah tanggapan terhadap risiko sistemik dalam ekonomi sedang pesat membangun, ia akan menyebabkan luluh kredit (credit crunch) bertambah buruk dalam keadaan prestasi ekonomi yang lemah.

Ketiga, keperluan modal kawal selia yang dijangka lebih rendah dan menghasilkan kelebihan kos bersaingan merupakan insentif yang ketara untuk bank-bank terutamanya di negara-negara maju untuk terus menggunakan pendekatan lebih maju di bawah Basel II. Hal ini boleh mengakibatkan persaingan yang tidak setara antara bank domestik dengan bank asing antarabangsa yang beroperasi dalam sistem kewangan domestik. Jurang perbezaan dalam keupayaan menerima pakai pendekatan yang lebih membebankan di bawah Basel II akan menyebabkan bank-bank domestik tidak mempunyai kelebihan bersaingan dalam negara-negara tersebut.

Bagi banyak negara sedang pesat membangun, pertimbangan ini bermakna penyesuaian rangka kerja Basel II dengan persekitaran tempatan perlu dilaksanakan dengan berhati-hati. Teks Basel II menyediakan pelbagai pilihan yang boleh dipertimbangkan oleh penyelia negara untuk mengimbangkan semula kesesuaian Basel II bagi mencerminkan persekitaran tempatan. Pelaksanaan Basel II juga penting sebagai sebahagian daripada keseluruhan program pembangunan sektor kewangan, dan bukan secara berasingan. Inilah pendekatan yang diambil oleh Malaysia.

Sistem perbankan yang amat tidak sepadu dan sistem pengurusan risiko yang secara relatif lemah dalam institusi kewangan domestik di Malaysia sebelum penyusunan semula dan reformasi kewangan pada tahun 2001 boleh menyebabkan pelaksanaan Basel II amat sukar, malah tidak mungkin dapat dicapai tanpa mendatangkan risiko gangguan terhadap proses pengantaraan. Penyusunan semula kewangan yang dilaksanakan bagi memperkukuh sokongan terhadap sistem perbankan kita telah memainkan peranan penting bagi melicinkan peralihan kepada Basel II di Malaysia tanpa menyebabkan kesan negatif terhadap pasaran.

Dalam tempoh terdekat ini, rantau Asia secara keseluruhan telah mengorak langkah ke arah memperkukuh struktur pasaran dan pengaturan keinstitusian untuk kestabilan kewangan. Dua perkembangan wajar disebut memandangkan sumbangan penting terhadap pengurangan beberapa kebimbangan yang menyelubungi Basel II bagi ekonomi sedang pesat membangun.

Pertama, ekonomi sedang pesat membangun di Asia telah membangunkan pasaran bon dan ekuiti mereka dengan lebih giat dalam dekad selepas krisis kewangan Asia. Diukur dari segi permodalan pasaran, pasaran ekuiti Asia Timur telah meningkat lebih daripada tiga kali ganda selepas tahun 1997. Pasaran bon di rantau Asia Timur juga telah mencatat pertumbuhan menggalakkan dalam tempoh ini berikutan keadaan kecairan yang amat menggalakkan dalam pasaran tersebut. Oleh itu, kini negara-negara di rantau ini mempunyai struktur sistem kewangan yang lebih pelbagai.

Kedua, di rantau Asia, rangka kerja bagi kerjasama serantau telah diperkemas untuk menyokong pembangunan sektor kewangan, pengawasan, pengurusan krisis dan bina upaya. Pencapaian penting dalam proses

Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik (Executive Meetings of East Asia and Pacific Asia Banks, EMEAP) ialah penubuhan Jawatankuasa Kestabilan Monetari dan Kewangan (JKMK) yang diberikan mandat bagi memudahkan kerjasama serantau yang lebih meluas dalam memelihara kestabilan monetari dan kewangan serta dalam membangunkan pasaran kewangan serantau. Sejak penubuhannya, pencapaian JKMK telah melebihi jangkaan dari segi komitmen terhadap sokongan pengawasan monetari dan kewangan serantau, dan dalam memajukan usaha untuk menginstitusikan pengurusan krisis merentas sempadan dan pengaturan penyelesaian.

Perkembangan ini akan menyumbang ke arah pengurangan sebarang kesan prokitaran pelaksanaan Basel II dan selanjutnya membantu dalam menambah baik parameter risiko supaya ia lebih sesuai dengan pengalaman tempatan dan serantau. Usaha seumpama itu yang berterusan pada peringkat negara dan serantau akan mengurangkan prospek kemungkinan berlakunya gangguan dalam sistem kewangan serantau.

Salah satu daripada kesan penting Basel II ialah lebih tumpuan dapat diberikan terhadap tadbir urus korporat dalam institusi perbankan. Meskipun banyak perhatian tertumpu pada implikasi kuantitatif dan aspek operasi rangka kerja Basel II, kurang perhatian diberikan terhadap tadbir urus korporat yang berkaitan dengan pelaksanaannya.

Pengawasan oleh lembaga pengarah dan pengurusan kanan dijangka bertambah ketara di bawah Basel II. Lembaga pengarah dikehendaki memastikan rangka kerja kawalan risiko yang cukup kukuh diwujudkan sebelum bank boleh menerima pakai pendekatan yang lebih maju. Lembaga pengarah dan pengurusan kanan perlu mempunyai pemahaman yang tinggi terhadap profil risiko institusi perbankan masing-masing dan memastikan pegangan modal yang mencukupi, yang sepadan dengan profil risiko. Ini diperkukuh oleh penyeliaan yang lebih menumpukan perhatian terhadap fungsi kawalan pengurusan risiko dalam institusi perbankan dan cara mentadbir urus dengan efektif. Pendedahan pasaran yang lebih baik di bawah asas ketiga rangka kerja seterusnya akan meletakkan amalan tadbir urus dalam institusi perbankan di bawah penelitian pasaran secara lebih rapi.

Perkembangan ini telah menguji amalan tadbir urus yang mungkin boleh diterima pada masa lalu, tetapi kini dikira amat tidak memadai untuk pengawasan yang diperlukan dalam persekitaran perniagaan yang jauh lebih kompleks. Amalan seumpama itu termasuk struktur pelaporan risiko yang kabur kepada lembaga pengarah, lembaga pengarah yang tidak mengikuti perkembangan semasa, dan lembaga pengarah yang tidak mempunyai atau kurang kepakaran mengenai risiko dan kewangan. Lembaga pengarah dan penyelia perlu menghadapi isu ini dengan penuh keazaman. Untuk tujuan ini, penelitian yang lebih rapi terhadap ahli lembaga pengarah dan pengurusan kanan perlu dilakukan sebelum dilantik ke jawatan mereka dan secara berterusan. Lembaga pengarah juga perlu tampil secara lebih aktif dalam menyokong dan menerajui reformasi risiko, dan menuntut diberikan kadar dan jumlah maklumat yang secukupnya daripada pengurusan bagi membolehkan tanggungjawab pengawasan dilaksanakan dengan efektif.

Dalam banyak aspek, Basel II masih lagi dalam peringkat pelaksanaan. Ketika kita terus memikirkan betapa luas dan kompleks dimensinya, platform dialog yang terbuka dan aktif seperti ini antara pihak awam dengan swasta yang berkepentingan adalah penting untuk memberikan pandangan yang mendalam tentang banyak isu yang akan menentukan hala tuju masa hadapan untuk pelaksanaan Basel II yang lebih efektif dan meluas di peringkat global.

Saya berharap dialog ini menjadi suatu perbincangan yang produktif dan berjaya.